



**KEMENTERIAN HAL EHWAH EKONOMI
KENYATAAN MEDIA**

PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI 1440H/2019

Umat Islam di Malaysia akan menyambut 1 Syawal bermula esok menandakan Hari Kemenangan selepas sebulan kita menjalankan ibadah puasa di bulan Ramadhan Al-Mubarak.

Kita bersyukur dapat menyambut Aidilfitri dalam keadaan aman damai dan tenteram. Perpaduan erat antara kaum dan kestabilan dalam negara diterjemahkan dengan sambutan Aidilfitri yang harmoni bukan sahaja diraikan oleh umat Islam, bahkan seluruh rakyat Malaysia.

Gunakanlah kesempatan Aidilfitri ini untuk kita merapatkan hubungan kekeluargaan dan keharmonian dalam masyarakat.

Marilah kita memanjat doa agar perjuangan sepanjang bulan Ramadhan dapat mengukuhkan jati diri untuk bekerja dengan lebih tekun demi mencapai sebuah negara yang sejahtera dan makmur, sekaligus dapat dikongsi bersama.

Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir dan Batin.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
Menteri Hal Ehwal Ekonomi**

4 Jun 2019